

## PENDEKATAN 5M GURU DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH MURID

### *5M Teachers' Approach in Students' Character Development*

Siti Suhaila Ihwani<sup>1</sup>  
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain<sup>2</sup>  
Zetty Nurzuliana Rashed<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(E-mail: sitisuhaila@utm.my)

<sup>2</sup>Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(Email: muhammadtalhah.j@utm.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS), Malaysia,  
(E-mail: zetty@kuis.edu.my)

#### Article history

Received date : 10-2-2025  
Revised date : 11-2-2025  
Accepted date : 19-3-2025  
Published date : 27-3-2025

#### To cite this document:

Ihwani, S. S., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Rashed, Z. N. (2025). Pendekatan 5M guru dalam pembentukan sahsiah murid. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 409- 416.

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan 5M guru dalam pembentukan sahsiah murid di sekolah rendah agama zon 1 di Melaka dan mengkaji perbezaan berdasarkan pembolehubah demografi. Seramai 100 orang murid terlibat dalam kajian ini dan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian mendapati guru di SRA menggunakan pendekatan 5M dan skor min berada pada tahap tinggi dengan mempamerkan Muaddib sebagai pendekatan paling dominan yang diaplikasikan oleh guru dalam membentuk sahsiah murid. Implikasi kajian mengenal pasti murid sentiasa menjadikan guru sebagai contoh teladan dan pihak sekolah diharapkan sentiasa memberi sokongan kepada guru untuk meningkatkan potensi diri mereka mengaplikasikan konsep 5M.

**Kata Kunci:** pendekatan, 5M, guru, sahsiah murid

**Abstract:** This study aims to identify the 5M approach used by teachers in shaping students' character at Islamic primary schools in Zone 1, Melaka, and to examine the differences based on demographic variables. A total of 100 students participated in this study, and a questionnaire instrument was used. The study found that teachers in SRA use the 5M approach, with the mean score being at a high level, demonstrating Muaddib as the most dominant approach applied by teachers in shaping the students' character. The implications of the study identify that students always look up to teachers as role models, and it is hoped that the school will continuously provide support to teachers in enhancing their potential to apply the 5M concept.

**Keywords:** Approachs, 5M, teachers, students' character

## Pendahuluan

Sistem pendidikan hari ini telah dilakari oleh pelbagai gaya dan paradigma terkini. Hala tuju dan matlamat Pendidikan Islam telah ditetapkan didalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah untuk mencorakkan individu muslim yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Proses pendidikan secara berterusan ini telah dijelaskan secara terperinci melalui Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Seterusnya, memang menjadi kewajipan setiap pihak khususnya mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pendidikan untuk memastikan terbentuknya individu muslim yang mempunyai sahsiah dan akhlak seperti yang termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Syafiqah Solehah dan Tengku Sariha Aini, 2017). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pendekatan 5M guru dalam pembentukan sahsiah murid di sekolah rendah agama zon 1 di Melaka dan mengkaji perbezaan berdasarkan pembolehubah demografi.

## Kajian Literatur

Proses pembelajaran adalah satu tanggungjawab seorang guru untuk mengembangkan seluruh kebolehan dan pencapaian yang ada pada pelajar. Konsep 5M ini yang telah diperkenalkan oleh Syed Najmuddin et.al (2009) sudah tidak asing lagi dalam dunia pendidikan. Khususnya dalam lingkungan guru Pendidikan Islam (GPI). Lima peranan yang dimainkan dalam pembinaan guru Pendidikan Islam yang sempurna adalah Murabbi, Mudarris, Muaddib, Muallim dan Mursyid. Model Pengajaran 5M Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2006) adalah model penting yang perlu diamalkan oleh GPI dan berfungsi secara optimum dalam PdPc Pendidikan Islam. Menurut Rahmad Fauzi (2020), pendidik perlu berwibawa kerana kewibawaan pendidik Muslim amat mendesak dan penting dalam memindahkan ilmu dan menjadi model kepada pelajarannya. Hal ini kerana para guru hendaklah mencontohi kecemerlangan dan kemuliaan Rasulullah SAW dalam mendidik anak muridnya dan baginda dengan tegas mengatakan bahawa setidaknya terdapat lima komponen yang dicapai agar terhasilnya identitas guru muslim iaitu mudarris, muaddib, mursyid, dan mu'allim disingkatkan menjadi 5M (Rahmad Fauzi, 2020).

## Pendekatan 5M

Globalisasi telah memberi impak yang bukan sedikit dalam kehidupan berakhlak dan bersahsiah dalam sesebuah masyarakat. Pengaruh dan kesan yang dibawa oleh pelbagai pihak menerusi medium teknologi komunikasi maklumat turut memberi kesan yang besar terhadap sosial masyarakat terutama dalam kalangan remaja yang terdiri dari kalangan pelajar. Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2004) menegaskan, terdapat banyak pihak yang membicarakan tentang kerosakan sahsiah dan akhlak pelajar. Beberapa permasalahan dalam kalangan pelajar yang begitu membimbangkan serta meresahkan ibu bapa dan para guru di sekolah khususnya ialah perubahan terhadap sikap serta tingkah laku mereka yang semakin merosot.

Menurut pendapat Siti Rashidah et.al (2020), guru Pendidikan Islam merupakan karakter penting untuk membentuk sahsiah murid di sekolah. Cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam ialah mereka juga perlu memenuhi tuntutan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPC) di dalam kelas, serta persiapan sebelum masuk ke kelas seperti bahan bantu mengajar. Selain itu, guru Pendidikan Islam juga terlibat dalam aktiviti kokurikulum serta tugas pentadbiran dan pengkeranian yang juga diluar tugas guru. Guru Pendidikan Islam juga terikat dengan (Key Performance Indicator) KPI yang perlu disempurnakan setiap tahun bekerja. Oleh itu, guru Pendidikan Islam dibebani dengan tugas yang banyak dan tidak dapat

memberi sepenuh perhatian kepada sahsiah murid terutama kepada pelajar yang memiliki rekod berkaitan tingkahlaku yang buruk di sekolah.

Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed (2015) menyatakan guru merupakan ejen perubahan yang pertama dalam masyarakat yang berperanan mengajar, mendidik dan membimbing murid berdasarkan kurikulum Pendidikan Islam yang telah disusun dengan mengamalkan konsep 5M. Dalam usaha mencapai hasrat negara, GPI perlu menguasai ilmu dengan mendalam terutama bagi mata pelajaran yang diajar di sekolah dan mengetahui kaedah pengajaran Ibadat, Akidah, Akhlak, Tilawah al-Quran dan al-Hadis. Di samping itu, guru juga mesti mempunyai ilmu-ilmu tambahan dalam menggunakan teknologi terkini sebagai kaedah dan teknik pengajaran-pembelajaran. Penguasaan ilmu-ilmu tambahan adalah penting kerana guru Pendidikan Islam hari ini berhadapan dengan murid-murid yang berada pada zaman teknologi.

Kajian berkaitan konsep 5M telah banyak dijalankan dengan melihat kepada pengajaran dan pemudharaan guru Pendidikan Islam (Ab. Halim Tamuri et.al 2006; Ab. Halim Tamuri 2021; Wan Ali Akbar et.al, 2021; Rahmad Fauzi, 2020; Nurul Asiah Fasehah & Noornajihan Jaafar, 2021). Wan Ali Akbar et al. (2021) mendapati bahawa konstruk guru muaddib mendapat nilai min yang lebih tinggi berbanding min yang lain seperti murabbi, mudarris, mualim dan mursyid. Muaddib antara satu-satunya mim yang berada pada tahap yang sangat tinggi

### **Model Guru Membentuk Akhlak Pelajar Berdasarkan Konsep 5M**

Satu kajian yang dilaksanakan oleh Rahmad Fauzi (2020) telah menghuraikan ciri guru Pendidikan Islam dalam konsep 5M. Tanggungjawab seorang guru dalam membangun segala potensi yang ada dalam diri pelajar adalah melalui proses pembelajaran (Rahmad Fauzi, 2020). Pembelajaran yang disajikan oleh guru dalam kelas merupakan salah satu komponen yang diharapkan dan yang akan menjadi. Oleh itu, dari aspek tingkah laku serta intelektual, kesemua proses ini diharapkan dapat mengubah tingkah laku pelajar. Penelitian Konsep 5M yang dibuat oleh Rahmad Fauzi ini, terdapat beberapa kefahaman yang penting yang mesti diamalkan oleh para guru.

#### **Murabbi**

Seorang murabbi adalah figura yang bertanggung jawab untuk mendidik dan membesarkan murid secara menyeluruh. Murabbi tidak hanya mengajar secara akademik tetapi juga berperanan sebagai teladan moral dan spiritual bagi murid. Peranan ini menekankan pentingnya membimbing murid dalam aspek agama, moral, dan etika. Menurut Rahmad Fauzi, terdapat sekurang-kurangnya 13 ciri murabbi seperti 1. Menerapkan unsur tauhid; Mewujudkan hubungan yang rapat dengan pelajar semasa belajar; 3. Mengajar dengan penuh kasih sayang; 4. Memberi hukuman yang mendidik bukan mencederakan; 5. Menegur pelajar dengan penuh hikmah, bukan sindiran atau cacian; 6. Menghormati pendapat pelajar; 7. Mengajar dengan panggilan; 8. Mendampingi pelajar dengan penuh tumpuan; 9. Mengenali pelajar dan keluarga mereka; 10. Memberi motivasi berterusan; 11. Menggunakan bahasa yang sesuai dengan khalayak supaya mudah difahami; 12. Menerapkan nilai-nilai Islam; 13. Menerapkan nilai kemanusiaan.

#### **Mudarris**

Seorang mudarris adalah guru atau pendidik yang memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid. Peranan mudarris meliputi menyampaikan pengetahuan dan keterampilan

akademik, serta memberikan panduan dalam memahami konsep-konsep penting dalam kurikulum. Mudarris dikonsepsikan kepada seorang guru mulia yang mengikut dari al-quran dan hadis. Mengikut konteks pembahasan 5M ini peranan mudarris mempunyai 25 ciri iaitu 1. Aktif dalam pengajaran; 2. Tulis dengan baik dan jelas; 3. Buat penilaian formatif; 4. Buat formula pembelajaran; 5. Beri tugasan kerja rumah; 6. Dapat menarik perhatian pelajar; 7. Mewujudkan struktur pengajaran; 8. Boleh mengaitkan pembelajaran dengan situasi sebenar; 9. Memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran; 10. Menyampaikan bahan dengan tepat dan jelas; 11. Berkesan dalam penulisan; 12. Memberi perhatian kepada minat pelajar; 13. Memperkaya sumber dan meluaskan wawasan; 14. Suasana yang kondusif dalam mengawal pembelajaran; 15. Boleh menggunakan bahan bantu mengajar dengan baik; 16. Mempunyai rasa jenaka supaya pelajar tidak terlalu tegang; 17. Mempunyai kemahiran interpersonal yang baik; 18. Menguasai metodologi dengan baik; 19. Menggunakan pelbagai teknik penyolaan semasa pembelajaran; 20. Menjawab soalan murid dengan penuh hikmah; 21. Mengesan masalah pembelajaran pelajar; 22. Pembelajaran jarak jauh; 23. Mengajar mengikut susunan dalam buku; 24. Memberi peneguhan kepada murid semasa pembelajaran dan 25. Lakukan introspeksi atau penilaian sendiri.

### **Muallim**

Guru dari aspek muallim adalah seseorang yang memberikan arahan atau latihan dalam konteks kemahiran praktikal atau kehidupan harian. Peranan muallim meliputi pengajaran kemahiran teknikal atau kemahiran praktikal yang berkaitan dengan keperluan dan kehidupan harian murid. Konsep Ta'lim boleh diertikan sebagai satu proses penyampaian, pemindahan, pengajaran dan pemberitahuan bahan oleh guru kepada pelajarnya. Proses ta'lim akan memberi warna kepada pembangunan diri pelajar sebagai seorang yang soleh. Ciri-ciri guru yang mu'allim seperti 1. Melaksanakan budaya inkuiri; 2. Mengaplikasi pengetahuan dan menerangkan idea; 3. Mengaplikasikan pembelajaran sendiri; 4. Menguasai kemahiran kuliah; 5. Memperkayakan sumber ilmu; 6. Memahami konteks sains; 7. Merangsang kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis; 8. Mengetahui isu pendidikan terkini; 9. Menguasai penerangan pembelajaran; 10. Mengintegrasikan ilmu antara bidang; 11. Menjaga fakta; 12. Menghargai dan meningkatkan ilmu dan 13. Mempunyai dan menguasai ilmu.

### **Muaddib**

Guru dari aspek muaddib pula adalah pendidik yang berfokus pada pembentukan akhlak, nilai-nilai, dan sikap moral murid. Muaddib bertanggungjawab dalam membangun karakter dan keperibadian murid dengan memperkenalkan dan memperkuat nilai-nilai seperti kejujuran, integritis, dan tanggungjawab. Seorang Muslim akan membina dirinya dengan nilai ta'dib kerana akhlak lahir daripada dorongan dalaman manusia itu sendiri. Ciri-ciri muaddib dalam kajian 5M ini adalah seperti 1. Pakai pakaian yang sopan dan sesuai; 2. Disiplin masa; 3. Lembut dalam pertuturan; 4. Kewibawaannya terpancar; 5. Memberi penghargaan atas kebaikan pelajar; 6. Bersifat tawadu' dan merendah diri; 7. Ceria; 8. Mempunyai ahlakul karimah; 9. Mempunyai tanggungjawab terhadap perkembangan murid; 10. Menjaga maruah dan 11. Menunjukkan personaliti yang baik.

### **Mursyid**

Seorang mursyid adalah seorang mentor atau pembimbing spiritual yang membantu murid dalam mencapai kedewasaan spiritual dan moral. Peranan mursyid termasuk memberikan nasihat, membimbing dalam praktik keagamaan, dan memudahkan pertumbuhan spiritual murid. Memimpin jalan yang benar, menasihati pelajar, mengikut, menjaga, arahan dan tunjuk

ajar, tunjuk ajar, tunjuk ajar, semua itu proses Mursyid. Dalam konteks ini, konsep Mursyid merujuk kepada kepimpinan guru dalam pengajaran. Antara ciri-ciri mursyid dalam 5M yang perlu ada pada guru ialah 1. Mengaplikasikan konsep musyawarah dalam keputusan; 2. Menghubungkan tanggungjawab pelajar sebagai khalifatullah; 3. Bimbing pelajar membuat keputusan; 4. Menjadikan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan; 5. Menerapkan kuasa kepimpinan dalam kalangan pelajar; 6. Bertindak sewajarnya dengan isu yang dihadapi oleh pelajar; 7. Mencipta idea untuk kemajuan semangat pelajar untuk maju ke hadapan; 8. Menunjukkan kepimpinan yang bijak; 9. Menunjukkan sikap mesra kepada pelajar, dan masyarakat; 10. Mempunyai sikap yang tegas dan 11. Bersikap adil terhadap pelajar.

### Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik adalah instrumen yang digunakan bagi mengutip data kajian. Soal selidik telah dijawab oleh 100 orang responden yang terdiri daripada guru SRA di Melaka. Data telah dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics (Predictive Analytic Software)*. Sebelum dijalankan kajian sebenar, kajian rintis telah dijalankan dan soal selidik telah mencapai nilai alpha cronbach sebanyak 0.94 bagi keesahan dan kepercayaannya.

### Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif (peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai) dan analisis inferensi (analisis anova sehala dan ujian T). Pemilihan analisis deskriptif dibuat untuk memahami keseluruhan data secara numerik dengan lebih mudah bagi mengenal pasti pendekatan 5M yang digunakan oleh guru dalam pembentukan sahsiah murid. Manakala analisis inferensi digunakan bagi membuat kesimpulan berdasarkan data sampel dan mengenal pasti perbezaan dari aspek demografi.

### Analisis Deskriptif

Berdasarkan jadual 1, telah mencatatkan bahawa seramai 100 orang responden yang terdiri daripada 77 orang (77.0%) pelajar lelaki dan 23 orang (23.0%) pelajar perempuan daripada pelajar di Sekolah Rendah Agama Zon 1, Melaka. Ia menunjukkan bahawa peratusan pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan yang menjawab soal selidik ini. Manakala bagi umur pula ialah bagi tahun 1, tiada responden (0%). Seterusnya, bagi tahun 2 pula terdapat 2 orang (2%) responden. Tahun 3 mempunyai 4 orang (4%) yang memberi respon. Bagi tahun 4 pula seramai 17 orang (17%). Tahun 5, 22 orang (22%) responden, dan tahu 6 seramai 55 orang (55%). Ini menunjukkan pelajar tahun 6 adalah yang paling ramai menjawab berbanding pelajar tahun 1 hingga 5.

**Jadual 1: Latar Belakang Responden Kajian**

| Latar belakang | Item      | Kekerapan | Peratusan |
|----------------|-----------|-----------|-----------|
| Jantina        | Lelaki    | 77        | 77%       |
|                | Perempuan | 23        | 23%       |
| Tahun          | 1         | 0         | 0         |
|                | 2         | 2         | 2 %       |
|                | 3         | 4         | 4 %       |
|                | 4         | 17        | 17%       |
|                | 5         | 22        | 22%       |
|                | 6         | 55        | 55%       |

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru di SRA zon 1 menggunakan pendekatan sebagai Muaddib kerana memperoleh skor min tertinggi berbanding yang lain (min= 4.48; s.p.=0.34) diikuti oleh Mursyid (min=4.44; s.p.=0.38). Seterusnya pendekatan ketiga berada tahap tinggi ialah Muallim (min=4.37; s.p.=0.43) dikuti oleh Mudarris (min=4.11; s.p.=0.49) dan skor yang paling rendah di antara kelima-lima pendekatan ialah Murabbi (min=3.83; s.p.=0.29).

**Jadual 2: Skor Min dan Sisihan Piawai Pendekatan 5M**

| Pemboleh ubah             | N   | Min         | SP         | Tahap                |
|---------------------------|-----|-------------|------------|----------------------|
| Mudarris                  | 100 | 4.11        | .49        | Sangat Tinggi        |
| Muaddib                   | 100 | 4.48        | .34        | Sangat Tinggi        |
| Murabbi                   | 100 | 3.83        | .29        | Tinggi               |
| Mursyid                   | 100 | 4.44        | .38        | Sangat Tinggi        |
| Muallim                   | 100 | 4.37        | .43        | Sangat Tinggi        |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |     | <b>4.50</b> | <b>.38</b> | <b>Sangat Tinggi</b> |

### Analisis Inferensi

Bagi analisis inferensi, perbezaan pendekatan aspek 5M dilihat berdasarkan jantina. Setiap aspek 5M diukur perbezaan jantina dengan menggunakan Ujian-t. Hipotesis nol ( $H_{01}$ ) dibentuk dan diuji bagi mengukur samada terdapat perbezaan yang signifikan pendekatan guru dari aspek Mudarris berdasarkan jantina. Merujuk kepada jantina lelaki N=77, nilai min M=4.14 SP = .53 adalah lebih rendah berbanding perempuan iaitu N=23, nilai min M=4.18 SP= .32. Hasil dapatan ujian-t memaparkan nilai p=.481, iaitu  $p > 0.05$ . Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol pertama ( $H_{01}$ ) diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan skor min di antara pendekatan guru dari aspek Mudarris berdasarkan jantina.

**Jadual 3: Ujian-t Perbezaan Aspek Mudarris Berdasarkan Jantina**

| Jantina        | N         | Min | SP     | Nilai t | Sig.P |      |
|----------------|-----------|-----|--------|---------|-------|------|
| Aspek Mudarris | Lelaki    | 77  | 4.1396 | .53742  | -.351 | .481 |
|                | Perempuan | 23  | 4.1812 | .32727  | -.453 |      |

Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Hipotesis nol kedua ( $H_{02}$ ) yang dibentuk dan diuji dengan analisis Ujian-t sehala bagi mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan signifikan pendekatan guru dari aspek Muaddib berdasarkan jantina. Berdasarkan keputusan ujian -t menunjukkan min skor bagi aspek Muaddib dengan merujuk kepada jantina lelaki nilai min N=77, M=4.48, SD = .356 adalah lebih tinggi berbanding perempuan iaitu nilai min N=23, M=4.46 SD= .325. Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol kedua ( $H_{03}$ ) diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan skor min di antara pendekatan guru dari aspek Muaddib berdasarkan jantina.

**Jadual 4: Ujian-t Perbezaan Aspek Muaddib Berdasarkan Jantina**

| Jantina       | N         | Min | SP     | Nilai t | Sig.P |     |
|---------------|-----------|-----|--------|---------|-------|-----|
| Aspek Muaddib | Lelaki    | 77  | 4.4831 | .35630  | -.163 | .55 |
|               | Perempuan | 23  | 4.4696 | .32535  | -.171 |     |

Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Hipotesis nol ketiga ( $H_{03}$ ) yang dibentuk dan diuji dengan analisis Ujian-t sehalu bagi mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan signifikan pendekatan guru dari aspek Murabbi berdasarkan jantina. Berdasarkan keputusan ujian  $-t$  menunjukkan min skor bagi apek Murabbi dengan merujuk kepada jantina lelaki nilai min  $N=77$ ,  $M=4.48$ ,  $SD = .356$  adalah lebih tinggi berbanding perempuan iaitu nilai min  $N=23$ ,  $M=4.46$   $SD= .325$ . Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol ketiga ( $H_{03}$ ) diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan skor min di antara pendekatan guru dari aspek Murabbi berdasarkan jantina.

**Jadual 5: Ujian-t Perbezaan Aspek Murabbi Berdasarkan Jantina**

| Jantina       | N         | Min | SP     | Nilai t | Sig.P |
|---------------|-----------|-----|--------|---------|-------|
| Aspek Murabbi | Lelaki    | 77  | 4.1708 | .30785  | .334  |
|               | Perempuan | 23  | 4.1940 | .22590  | .394  |

Signifikan pada aras  $p<0.05$

Hipotesis nol keempat ( $H_{04}$ ) yang dibentuk dan diuji dengan analisis Ujian-t sehalu bagi mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan signifikan pendekatan guru dari aspek Mursyid berdasarkan jantina. Berdasarkan keputusan ujian  $-t$  menunjukkan min skor bagi apek Mursyid dengan merujuk kepada jantina lelaki nilai min  $N=77$ ,  $M=4.41$ ,  $SD = .388$  adalah lebih tinggi berbanding perempuan iaitu nilai min  $N=23$ ,  $M=4.51$   $SD= .362$ . Hasil dapatan Ujian-t seperti dalam jadual 6 memaparkan nilai  $p=.664$ , iaitu  $p>0.05$ . Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol ketujuh ( $H_{04}$ ) diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan skor min di antara pendekatan guru dari aspek Mursyid berdasarkan jantina.

**Jadual 6: Ujian-t Perbezaan Aspek Mursyid Berdasarkan Jantina**

| Jantina       | N         | Min | SP     | Nilai t | Sig.P  |
|---------------|-----------|-----|--------|---------|--------|
| Aspek Mursyid | Lelaki    | 77  | 4.4177 | .38817  | -1.104 |
|               | Perempuan | 23  | 4.5181 | .36233  | -1.146 |

Signifikan pada aras  $p<0.05$

Hipotesis nol kelima ( $H_{05}$ ) yang dibentuk dan diuji dengan analisis Ujian-t sehalu bagi mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan signifikan pendekatan guru dari aspek Muallim berdasarkan jantina. Berdasarkan keputusan ujian  $-t$  menunjukkan min skor bagi aspek Muallim dengan merujuk kepada jantina lelaki nilai min  $N=77$ ,  $M=4.36$ ,  $SD = .437$  adalah lebih rendah berbanding perempuan iaitu nilai min  $N=23$ ,  $M=4.41$   $SD= .410$ . Hasil dapatan Ujian-t seperti dalam jadual 7 memaparkan nilai  $p=.822$ , iaitu  $p>0.05$ . Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol kelima ( $H_{05}$ ) diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan skor min di antara pendekatan guru dari aspek Muallim berdasarkan jantina.

**Jadual 7: Ujian-t Perbezaan Aspek Muallim Berdasarkan Jantina**

| Jantina       | N         | Min | SP     | Nilai t | Sig.P |
|---------------|-----------|-----|--------|---------|-------|
| Aspek Muallim | Lelaki    | 77  | 4.3636 | .43773  | .462  |
|               | Perempuan | 23  | 4.4111 | .41012  | .479  |

Signifikan pada aras  $p<0.05$

## Perbincangan

Dapatan ini selari dengan kajian Nurual Asiah Fasehah & Noornajihah (2021) dan Wan Ali Akbar et.al (2020) yang menekankan peranan GPI sebagai Muaddib dalam PdPc Pendidikan Islam. Sebagai guru yang mengajar Pendidikan Islam, guru haruslah berusaha menjadi yang terbaik untuk mewujudkan pembelajaran yang kondusif dan persekitaran yang interaktif bagi menjamin keberkesanan Pendidikan Islam. Secara keseluruhan, hasil kajian ini membuktikan bahawa peranan guru sebagai Muaddib merupakan peranan terbesar yang dilakukan oleh guru bagi memantapkan proses PdPc Pendidikan Islam.

## Kesimpulan

Kajian ini memberi implikasi kepada guru SRA untuk berfungsi secara lebih optimum menjalankan peranan 5M di sekolah. Bertepatan dengan hasil dapatan yang mengenal pasti pendekatan Muaddib paling dominan dilaksanakan oleh guru, maka guru harus meletakkan kerangka Muaddib sebagai visi utama dalam proses pembelajaran berterusan di mana guru perlu mengutamakan penerapan nilai (ta'dib) dan tarbiyah kepada pelajar.

## Rujukan

- Ab. Halim T. & Zarin I. (2004) Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak Dan Pengajaran Pendidikan Islam. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim T. & Zarin I. (2006) Model guru Pendidikan Islam: Konsep 5mim. Kertas Kerja Seminar Amalan Guru Pendidikan Islam. UKM.
- Ab. Halim T. (2021) Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berasaskan konsep 5mim di sekolah menengah agama di Indonesia. *Jurnal YADIM*. 1 (1), 1-24.
- Nurul Asiah Fasehah M. & Noornajihan, J. (2021). Watak pendidik merentas tahap pengajian: aplikasi konsep 5M. *Sains Humanika*. 13 (2), 45-53.
- Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed (2015). Model kualiti guru Pendidikan Islam sebagai murabbi. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 1(1), 101–108.
- Wan Ali A., Nursafra M.Z., Khadijah A.Z. & Mohd Isa H. (2021). Konsep 5 mim: persepsi guru inovatif Pendidikan Islam. *International Journal of Human Technology in Civilization*. 1 (12), 59-71.
- Rahmad F. (2020). Guru Pendidikan Islam Dalam Konsep 5m. *Jurnal Penelitian dan Kajian Sosial Keagamaan*. 17(2), 227-237.
- Siti Rashidah A.R., Siti Rokyah M. Z. & Siti Razasah A. R. (2020). Cabaran dalam pembentukan akhlak anak-anak pada era globalisasi: merentasi revolusi industri 4.0. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Kemanusiaan*. 33-42.
- Syed Najmuddin S. H., Ab. Halim T., Isahak O. & Mohd. Sabri M. (2009). Kajian persepsi pelajar terhadap tahap professional guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2), 31-50.
- Syafiqah Solehah A. & Tengku Sarina Aini T. K. (2018). Personaliti guru pendidikan islam dan kesannya terhadap akhlak pelajar: satu tinjauan awal di sekolah 57 menengah daerah Marang, Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3(14), 59-75.